

## PM arah permudah rancangan, pembinaan infrastruktur digital

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, mengarahkan perancangan dan pembinaan infrastruktur digital pada peringkat negeri dan kerajaan tempatan dipermudah bagi memastikan khidmat jalur lebar menyeluruh dan berkualiti tinggi kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu dilakukan kerana pandemik COVID-19 yang dialami ketika ini, menyaksikan kebergantungan kepada liputan jalur lebar berkualiti tinggi.

Gesaan berkenaan disuarakan ketika Perdana Menteri memperkerusi Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)

Ke-36, pagi semalam.

Ketika sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) selepas itu, Perdana Menteri memperingatkan semua ahli mesyuarat dan agensi memberi komitmen penuh terhadap kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Ini katanya, bagi memastikan penduduk terbabit mendapat bantuan barang keperluan yang mencukupi.

Beliau turut mengarahkan supaya dipertingkatkan kawalan serta keupayaan tindakan kesihatan awam di Sabah bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dengan segera.



Muhyiddin mempengerusikan MPFN Ke-36 menerusi sidang video di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)